



SIARAN MEDIA

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008

AGENDA KEBERSIHAN DI PUTRAJAYA DITERUSKAN

PUTRAJAYA, 21 Februari – YBhg. Datuk Azizi bin Haji Ahmad Termizi, Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar, Perbadanan Putrajaya (PPj) menyampaikan Anugerah Premis Makanan dan Tandas Awam Bersih Putrajaya 2019 bertempat di Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3.

Dengan tema “Bersih, Sihat dan Selamat”, program yang julung kali diadakan bertujuan untuk mempertingkatkan kesedaran pengusaha serta pemilik premis dan penduduk Putrajaya tentang kepentingan penjagaan kebersihan premis makanan dan tandas awam di Putrajaya selain mempromosikan premis-premis yang diiktiraf bersih untuk dikunjungi oleh orang ramai.

Sebanyak lima (5) kategori dipertandingkan di bawah Anugerah Premis Makanan Bersih Putrajaya 2019 iaitu kategori kafeteria kerajaan, restoran, kantin sekolah, kios dan *food truck*. Bagi Anugerah Tandas Awam Bersih Putrajaya 2019 pula, terdapat lapan (8) kategori dipertandingkan iaitu kategori sekolah kebangsaan dan menengah kebangsaan, pusat beli belah, rumah ibadat, stesen minyak, pelancongan, kedai makan/restoran, dan pejabat kerajaan.

Pemenang kedua-dua anugerah bagi setiap kategori akan menerima hadiah berbentuk wang tunai berjumlah RM1,000 bagi tempat pertama, RM800 untuk tempat kedua dan RM600 bagi tempat ketiga beserta sijil pengiktirafan.

Untuk pertanyaan lanjut berhubung Majlis Pengiktirafan Premis Makanan & Tandas Awam Bersih Putrajaya 2019, sila hubungi, En. Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887347/019-3354346 atau En Ahmad Fazila Othman di talian 03-88877325/012-5761490.

(TENGGU AINA BINTI YTM TENGGU ISMAIL SHAH)

Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: Februari 2020